



BAB 1

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Masalah

Persoalan tentang *al-Khilāfah al-Islāmiyyah* telah lama dibincangkan di kalangan ulamak Islam. Sejak zaman Sayyidina Abū Bakr al-Ṣiddīq lagi, perbincangan mengenainya mula timbul. Ia dibincangkan dengan lebih panjang lagi di dalam penafsiran ayat-ayat al-Qur'ān yang menyentuh tentang persoalan khalifah. Istilah ini dibahaskan sama ada sebagai salah satu tujuan manusia diciptakan mahupun sebagai satu institusi pemerintahan Islam.

Perbincangan mengenai khalifah menjadi semakin hangat apabila dunia Islam menghadapi pelbagai masalah berbentuk penindasan, kelemahan dan ketinggalan umat dibandingkan dengan manusia lain. Masalah-masalah yang bersifat global itu dianggap hanya dapat diselesaikan melalui penyatuan di antara seluruh umat Islam di dunia. Di celah-celah keporak-perandaan itulah munculnya suara-suara yang menyeru agar institusi khalifah dihidupkan semula.

Justeru ingin melihat kemunculan semula sebuah kuasa Islam yang menyaingi kuasa lain demi menyelamatkan umat Islam, timbul pula persoalan yang penting di dalam mencapai cita-cita tersebut. Persoalan itu adalah sejauh manakah kefahaman masyarakat Islam sendiri terhadap *al-khilāfah al-Islāmiyyah* yang dilaung-laungkan itu. Hanya

dengan kefahaman masyarakat Islam sendiri sahajalah cita-cita itu nantinya dapat dicapai atau sekurang-kurangnya digerakkan pada peringkat permulaan.

Oleh itu, kajian ini dirasakan perlu bagi mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat Islam terhadap konsep *al-khilāfah al-Islāmiyyah*. Tumpuan pula difokuskan kepada bandaraya Kuala Lumpur sebagai sebuah kota yang menjadi pusat mengembangkan pelbagai pemikiran dan ilmu pengetahuan.

1.2 Pengertian Tajuk

Sebelum meneruskan perbincangan, terlebih dahulu penulis memperincikan pengertian tajuk kajian ini iaitu *al-Khilāfah al-Islāmiyyah* Di Dalam Al-Qur'ān: Suatu Kajian Tentang Kefahaman Masyarakat Islam Di Kuala Lumpur.

1.2.1 al-Khilāfah al-Islāmiyyah

al-Khilāfah adalah kata terbitan dari perkataan *khalafa* (خلف). *Khalafa* dari sudut bahasa bererti menjadi pengganti dalam sesuatu urusan atau memangku. Dari segi istilah sejarah, *al-Khilāfah* bermaksud mengganti atau memangku orang lain sama ada kerana kehilangan orang yang dipangku itu, mati atau keuzurannya. Mungkin juga kerana memuliakan pengganti itu.¹ Dalam istilah *fiqh*, *al-Khilāfah* adalah sinonim dengan *al-imāmah al-ʿudmā* dan *imārah al-*

¹ Abū al-Baqā' Ayyūb bin Mūsā al-Ḥusayni al-Kafawi (1669), *al-Kulliyāt, Mu'jam fi al-Muṣṭalahāt wa al-Furūq al-Lughawiyah*, t.tp, Mua'sasah al-Risālah, hlm 427.

mu'minin.² Muḥammad Rasyīd Riḍā mentakrifkan *al-Khilāfah* sebagai kepimpinan kerajaan Islam yang menyeluruh untuk maslahat agama dan dunia. Manakala Al-Taftāzāni mendefinisikan *al-imāmah* sebagai kepimpinan umum dalam urusan agama dan dunia, menggantikan Nabi Muḥammad s.a.w.³ Al-Māwardi pula mentakrifkan *al-imāmah* sebagai pengganti Rasulullah s.a.w. dalam menjaga agama dan mentadbir dunia dengannya.⁴

Khalifah pula adalah kata nama pembuat (*fā'il*) yang bermaksud orang yang mengganti atau memangku. Kamus Dewan mentakrifkan khalifah sebagai pengganti kepada Nabi Muḥammad s.a.w., ketua agama dan raja di negara Islam.⁵

Al-Islāmiyyah pula adalah sifat atau *na'at* yang disandarkan pada *al-Khilāfah*. Ia bermaksud perkara yang bersifat keislaman atau sebahagian dari ajaran dan urusan agama Islam.

Oleh itu, *al-Khilāfah al-Islāmiyyah* bermaksud sistem pemerintahan secara Islam yang diwarisi sebagai pengganti tugas Rasulullah s.a.w.

² Wahbah al-Zuḥaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Dimasyq: Dār al-Fikr, cet. Ke-3, jilid 8, hlm 661.

³ Muḥammad Rasyīd Riḍā (1922), *al-Khilāfah*, Kaheerah: al-Zahrā' li al-ʿIlām al-ʿArabi, hlm 17.

⁴ Ali bin Muḥammad al-Māwardī (t.th), *al-Ahkām al-Ṣultāniyyah*, Beirut: Dār al-Fikr, hlm 5.

⁵ Sheikh Othman Sheikh Salim. (1996), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, Edisi Ketiga, hlm 576.

1.2.2 Al-Qur'ān

Al-Qur'ān adalah: “Kalam Allah yang bersifat *ʿajz* (melemahkan orang lain untuk menirunya), diturunkan kepada penutup segala nabi dan rasul (Muhammad s.a.w.), melalui perantaraan malaikat Jibrīl a.s. yang jujur, tertulis pada mashaf-mashaf tertentu, disampaikan kepada kita melalui riwayat mutawatir, mendapat pahala bagi yang membacanya, dimulai dengan surah al-Fātiḥah dan diakhiri dengan surah al-Nās.”⁶

1.2.3 Kajian

Kajian berasal dari perkataan kaji yang bererti selidik. Kajian bermaksud satu kegiatan, usaha atau proses menyelidik dan meneliti dengan mendalam atau terperinci. Ia dilakukan supaya sesuatu itu benar-benar diketahui dan supaya suatu keputusan dapat dibuat.⁷

1.2.4 Kefahaman

Kefahaman berasal dari perkataan faham yang bermaksud pengetahuan dalam fikiran mengenai sesuatu. Ia juga bererti fikiran atau anggapan yang menjadi pegangan seseorang. Selain dari itu, ia memberi makna tahu dan mengerti

⁶ Muhammad ʿAli al-Sabūni (1408H). *Al-Tibyān fi ʿUlūm al-Qurʿān*, Dimasyq: Dār al-Qalam, cet. ke-3, hlm 12.

⁷ Sheikh Othman Sheikh Salim *op.cit.*, hlm 560.

benar akan sesuatu. Dari satu segi pula, ia bermaksud kepercayaan atau pegangan individu atau masyarakat tentang sesuatu.

Kefahaman pula memberi maksud keupayaan dan kemampuan memahami. Dengan kata lain, ia bermakna faham atau tidaknya seseorang akan sesuatu yang dipelajari.⁸

1.2.5 Masyarakat Islam

Masyarakat berasal dari kata terbitan bahasa Arab bagi kata kerja *syāraka* (شـارك) yang bermaksud berkongsi atau bersekutu. Walau bagaimanapun, penggunaan perkataan masyarakat di dalam Bahasa Malaysia sudah memberi pengertian yang berbeza. Ia lebih tepat diterjemahkan sebagai *mujtamaʿ* (مجتمع) di dalam bahasa Arab.

Menurut Kamus Dewan, masyarakat bermaksud kumpulan manusia yang hidup bersama, biasanya di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu.⁹ Oleh itu, masyarakat Islam pula bererti satu kumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan berpandukan peraturan Islam dan sistem hidupnya.

⁸ *Ibid*, hlm 347.

Ini bersesuaian dengan pandangan sesetengah pemikir Islam seperti Sayyid Qutb. Beliau mentakrifkan masyarakat Islam atau umat Islam yang sebenar hanyalah satu kumpulan manusia yang hidup, *tasawwur*, realiti, sistem, nilai dan neraca pertimbangan mereka semuanya ditimba dari *manhāj* Islam.¹⁰

Walaupun bagaimanapun, kajian ini akan menggunakan istilah masyarakat Islam dengan pengertian yang lebih umum dan longgar iaitu satu kumpulan manusia yang hidup bersama dan mengaku memeluk agama Islam. Dengan berpegang pada pengertian ini, kajian ini diharapkan akan dapat membantu menyelesaikan masalah umat Islam secara lebih umum dan menyeluruh.

Penulis tidak menolak ketepatan pengertian pertama di atas, tetapi penggunaannya dalam penulisan ini akan menyempitkan kajian terhadap satu kumpulan yang sukar dicari dalam realiti umat Islam masa kini. Bahkan Sayyid Qutb sendiri menyebut: "*umat ini (dengan pengertian tadi) sudah terhenti wujudnya sejak terhentinya pemerintahan yang menggunakan syariat Allah di atas muka bumi ini seluruhnya.*"¹¹

⁹ *Ibid*, hlm 865.

¹⁰ Sayyid Qutb (1967), *Ma'ālim fi al-Tariq*, t.tp., t.pt., hlm 6.

¹¹ *Ibid*.

1.2.6 Kuala Lumpur

Kuala Lumpur adalah ibu kota Malaysia sejak negara diisytiharkan merdeka pada tahun 1957. Ia meliputi kawasan seluas 243.65 km persegi.¹²

Nama Kuala Lumpur diambil dari Kuala Sungai Lumpur, iaitu tempat pertemuan Sungai Klang dan Sungai Gombak yang dahulunya dikenali sebagai Sungai Lumpur.¹³ Kawasan ini bermula sebagai lombong bijih timah, kemudian dijadikan ibu negeri Selangor pada tahun 1880. Semasa zaman penjajahan British, ibu pejabat ketua residen diletakkan di sini. Setelah merdeka dan selepas Perbandaran Kuala Lumpur dibentuk pada 1948, kawasan Kuala Lumpur terbahagi empat iaitu Sentul, Bangsar, Petaling dan Imbi.¹⁴

Pada 1 Februari 1972, Kuala Lumpur dianugerahkan taraf bandaraya dan seterusnya pada 1 Februari 1974, ia diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan (wilayah Kerajaan Persekutuan) dan berpisah dari Selangor.¹⁵

¹² Hairi Abdullah (1995). *Titian Warna, Sejarah Pembangunan dan Perubahan Citra Kuala Lumpur*, KL: Penerbitan Sejarah, hlm 3.

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Mohamed Roselan Abdul Malck (1998). *Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik Wilayah Persekutuan*, cetakan pertama, Oscar Book International, hlm 8.

¹⁵ *Ibid.*

1.2.7 Masyarakat Islam Kuala Lumpur

Di dalam kajian ini, masyarakat Islam Kuala Lumpur bererti kelompok penganut agama Islam yang tinggal di dalam lingkungan kawasan Wilayah Persekutuan meliputi kawasan Sentul, Bangsar, Petaling dan Imbi.

Jumlah penduduk Kuala Lumpur pada tahun 1991 adalah seramai 1, 226, 708 orang. Dari jumlah itu, 39.3 peratus adalah muslim iaitu seramai 482, 268 orang.¹⁶ Sebanyak 90.5 peratus (seramai 436, 292 orang) adalah dari bangsa Melayu, 1.76 peratus (seramai 8, 495 orang) berbangsa India, 0.5 peratus (seramai 2349 orang) dari bangsa Cina dan Bumiputera lain, 2.1 peratus (seramai 10, 234 orang) adalah bangsa lain. Manakala bakinya iaitu 5.1 peratus (seramai 24, 898 orang) adalah bukan warga negara Malaysia.¹⁷

Dari pengertian-pengertian yang dikemukakan berdasarkan tajuk: *Al-Khilāfah al-Islāmiyyah Di Dalam Al-Qur'ān: Suatu Kajian Tentang Kefahaman Masyarakat Islam Di Kuala Lumpur*, dapatlah disimpulkan bahawa tajuk penyelidikan ini bermaksud "suatu usaha menyelidik secara terperinci untuk mengetahui dengan tepat tentang keupayaan penduduk-penduduk Kuala Lumpur yang beragama Islam untuk memahami tuntutan pemerintahan secara Islam yang diwarisi dari Rasulullah s.a.w. sebagaimana yang disebut dan diajar di dalam al-Qur'ān."

¹⁶ Khoo Soo Gim, (Mac 1995), *Laporan Penduduk Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*, Kuala Lumpur: Jab. Perangkaan Malaysia, (Banci Penduduk 1991), hlm 1.

¹⁷ *Ibid*, hlm 92.

1.3 Rumusan Masalah

Berdasarkan pengertian tajuk di atas, penulis merumuskan beberapa persoalan yang perlu kepada penelitian iaitu:

- 1.3.1 Dari manakah bermulanya istilah khalifah, *khilāfah* dan *al-Khilāfah al-Islāmiyyah* dan hubungannya dengan al-Qur'ān?
- 1.3.2 Adakah penggunaan kalimah khalifah di dalam al-Qur'ān selaras dengan konsep pemerintahan dalam Islam?
- 1.3.3 Apakah persepsi masyarakat Islam Malaysia, khususnya di Kuala Lumpur tentang institusi khalifah dan pemerintahan Islam?
- 1.3.4 Apakah sumber-sumber maklumat masyarakat Islam, khususnya di Kuala Lumpur dalam memahami syariat Islam dalam aspek pemerintahan?
- 1.3.5 Bagaimanakah reaksi masyarakat Islam, khususnya di Kuala Lumpur terhadap pelaksanaan sistem pemerintahan Islam?

1.4 Tujuan Penyelidikan

Tujuan-tujuan berikut mendorong penulis untuk menyelidik tajuk ini:

- 1.4.1 Menghuraikan asal-usul penggunaan istilah *al-khilāfah al-Islāmiyyah*.
- 1.4.2 Mendalami pengertian *al-khilāfah al-Islāmiyyah* berdasarkan perspektif al-Qur'ān sendiri beserta tafsiran ayat-ayat yang berkaitan.
- 1.4.3 Mengukur tahap kefahaman masyarakat Islam terhadap konsep *al-khilāfah al-Islāmiyyah* seperti yang dinyatakan oleh al-Qur'ān.
- 1.4.4 Mengenal pasti keberkesanan dakwah Islam dalam membangkitkan kesedaran terhadap institusi khalifah.

1.4.5 Mengukur tahap kesediaan umat Islam di Malaysia khususnya, untuk menerima sistem khalifah.

1.5 Bidang dan Skop Kajian

Bidang kajian penulisan ini adalah bidang tafsir. Penulis akan memfokuskan kajian terhadap ayat-ayat al-Qur`ān yang berkaitan dengan konsep *al-khilāfah al-Islāmiyyah*. Kemudian, penulis akan menganalisis tahap kefahaman masyarakat Islam dengan menumpukan kepada beberapa kawasan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

1.6 Metodologi Penyelidikan

Secara umumnya, kajian ini berbentuk penyelidikan perpustakaan dan lapangan. Data-data untuk bab pertama dan kedua diambil dari buku-buku dan dokumen-dokumen dari perpustakaan. Manakala bab ketiga merupakan penyelidikan lapangan. Ini termasuk pengumpulan data dari temu bual dan soal selidik yang akan melibatkan masyarakat Islam Kuala Lumpur tentang beberapa perkara asas berhubung dengan konsep *al-Khilāfah al-Islāmiyyah*. Seramai 200 orang responden diambil secara persampelan rawak dari pusat bandar Kuala Lumpur mengikut kelas pendidikan dan pekerjaan.

1.7 Sistematika Penulisan

Dalam usaha menyiapkan latihan ilmiah ini, penulis telah membahagikan penyelidikan ini kepada empat bab seperti berikut:

1.7.1 Bab 1

Bab ini merupakan pendahuluan. Ia menjelaskan tentang latar belakang masalah yang mendorong penulis memilih tajuk ini. Ia turut memuatkan pengertian tajuk, skop penyelidikan, tujuan penulisan, metodologi yang digunakan dan sistematika penulisan.

1.7.2 Bab 2

Bab ini menjelaskan tentang landasan teori. Di dalamnya dimuatkan pengertian konsep *al-Khilāfah al-Islāmiyyah* secara lebih mendalam berdasarkan aspek-aspek yang disentuh oleh al-Qur'ān seperti tujuan perlantikan manusia sebagai khalifah, janji *istikhlāf*¹⁸ dari Allah untuk para mukmin, tanggungjawab sebagai khalifah dan lain-lain. Seterusnya ia menjelaskan tentang tafsiran para ulamak terhadap ayat-ayat al-Qur'ān yang menyentuh topik yang sama.

1.7.3 Bab 3

Bab ini merupakan hasil penyelidikan secara lapangan ke atas lokasi yang telah ditentukan. Penulis akan mengemukakan analisa data yang diperolehi dari

¹⁸ *Istikhāf* bermaksud memberi kekuasaan.

para responden dan informan yang terlibat. Penulis juga akan menentukan tahap kefahaman masyarakat di lokasi terhadap tajuk kajian ini, sumber maklumat mereka serta masalah-masalah yang dihadapi di dalam memahami *al-Khilāfah al-Islāmiyyah*.

1.7.5 Bab 4

Akhir sekali, penulis mencatatkan beberapa kesimpulan dan saranan kepada semua pihak yang berkenaan dan berperanan di dalam mempertingkatkan kefahaman masyarakat Islam terhadap *al-Khilāfah al-Islāmiyyah*.

1.8 Hipotesis

Untuk membantu proses pengumpulan data, penulis telah meletakkan beberapa andaian awal berdasarkan perumusan masalah dan tujuan kajian iaitu:

- 1.8.1 Al-Qur'ān menggunakan kalimah khalifah sebagai asas pemerintahan dengan tujuan dan maksud tertentu.
- 1.8.2 Sebahagian besar masyarakat Islam, khususnya di Kuala Lumpur mendapat pengetahuan mengenai institusi khalifah menerusi ceramah-ceramah politik.
- 1.8.3 Sebahagian besar masyarakat Islam di Kuala Lumpur hanya memahami konsep umum *al-Khilāfah al-Islāmiyyah* tetapi tidak mendalam.
- 1.8.4 Majoriti masyarakat Islam di Kuala Lumpur belum bersedia untuk menerima sistem khalifah.

1.8.5 Sebahagian besar masyarakat Islam di Kuala Lumpur tidak meletakkan sebarang cita-cita untuk menegakkan sistem khalifah.